

## **PERTANYAAN PEMAJU (Q & A) ;**

### **TAJUK : PERMOHONAN MENDAPATKAN SENARAI NAMA RUMAH SELANGORKU DAN HARTANAH HARGA KAWALAN DI SELANGOR**

Kerajaan Negeri telah menetapkan Dasar Rumah Selangor melalui Pekeliling LPHS 1/2014 dimana **pemaju yang membangunkan Rumah Selangorku, Kedai Mampu Milik, Kediaman Komersial (Pangsapuri Perkhidmatan Mampu Milik) dan Boutique Office (SOHO, SOVO & SOFO) perlu mendapatkan 100% nama daripada Sistem Pendaftaran** di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

#### **(A) APAKAH SYARAT UNTUK KELAYAKAN PEMAJU UNTUK MENDAPATKAN SENARAI NAMA DARIPADA LPHS?**

Syarat kelayakan untuk pemaju mendapatkan senarai nama adalah seperti berikut :

- 1) Pemaju telah mendapatkan kelulusan **Permit Iklan dan Lesen Jualan (APDL)** daripada KPKT
- 2) Pemaju perlu melengkapkan **Borang 1** : Permohonan Mendapatkan Senarai Nama Pemohon Rumah Selangor dan Hartanah Kawalan

Borang 1 boleh diperolehi dengan muat turun di laman sesawang LPHS. Sila pilih **muat turun** dan klik ke ruangan Unit Penawaran dan Kehidupan Bandar dan klik borang ; Permohonan Mendapatkan Senarai Nama Pemohon Rumah Selangor dan Hartanah Kawalan

- 3) Pendaftaran Borang 1 akan dikenakan bayaran kepada pemaju sebanyak **RM 100.00 (Ringgit Malaysia ; Satu Ratus Ringgit Sahaja)** bagi projek didaftarkan.

**(B) BAGAIMANA HENDAK MEMOHON MENDAPATKAN NAMA RUMAH SELANGORKU?**

Sila lengkapkan Borang 1 seperti yang telah dinyatakan pada soalan A. Selepas itu, borang 1 dikemukakan ke Kaunter LPHS untuk semakan dokumen bagi memastikan dokumen yang dikemukakan telah lengkap dan betul.

**(C) BOLEHKAH PEMAJU MENDAPATKAN NAMA SEBELUM ADA KELULUSAN PERMIT IKLAN DAN LESEN JUALAN (APDL) ?**

**Tidak**, sehingga pemaju mendapat kelulusan Permit Iklan dan Lesen Jualan daripada KPKT. Selepas pemaju perolehi, permohonan mendapatkan senarai nama barulah boleh dikemukakan kepada LPHS.

**(D) ADAKAH PENDAFTARAN SISTEM PENDAFTARAN PEMAJU (SPEM) DAN PENDAFTARAN MENDAPATKAN NAMA RUMAH SELANGORKU DAN HARTANAH HARGA KAWALAN ADALAH SAMA?**

**Tidak**, kedua-duanya proses pendaftaran adalah berbeza

SPEM adalah proses pendaftaran sebelum/selepas Kebenaran Merancang diperolehi bagi **memantau kemajuan kerja pembinaan projek sehingga siap**. Laporan tersebut perlu dikemukakan kepada LPHS setiap 6 bulan sekali ke Unit Pemantauan Projek sama ada projek tiada sebarang kemajuan kerja atau telah dilaksanakan.

Manakala permohonan mendapatkan senarai nama pemohon Rumah Selangorku dan Hartanah Harga Kawalan adalah bertujuan membolehkan senarai nama pemohon yang layak dikemukakan kepada pemaju melalui **pemilihan daripada Sistem Pendaftaran LPHS**.

### **(E) BERAPA LAMA PROSES PENDAFTARAN SENARAI NAMA DIBUAT?**

Selepas semakan lengkap daripada LPHS, pendaftaran projek akan dibuat oleh LPHS dalam **tempoh 1 hari** dan akan dipaparkan di laman sesawang LPHS bagi memaklumkan kepada orang awam berkenaan projek yang ditawarkan oleh pemaju.

### **(F) SELEPAS BERDAFTAR DI LPHS, BERAPA LAMA PROSES UNTUK MENDAPATKAN SENARAI NAMA PEMOHON?**

Senarai nama akan dikeluarkan dalam tempoh **tidak melebihi 14 hari** namun tertakluk kepada jumlah permohonan pemohon semasa, keperluan mesyuarat dan sebagainya.

### **(G) SELEPAS NAMA DIKEMUKAKAN KEPADA PEMAJU, APAKAH YANG PERLU DIBUAT OLEH PEMAJU?**

Pemaju dikehendaki mengeluarkan pemakluman kepada pemohon yang layak ditawarkan sama ada melalui surat, email, telefon, sms, whatsapp dan sebagainya bagi membolehkan pemohon mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan kepada pemaju.

Selepas dokumen sokongan diterima daripada pemohon, pemaju perlu mengemukakan dokumen sokongan tersebut kepada pihak LPHS untuk semakan bagi memuktamadkan kelayakan pemohon sebelum surat tawaran dikeluarkan oleh LPHS.

Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan terkini dan tidak melebihi daripada 3 bulan dari tarikh penghantaran ke LPHS (sebagai contoh slip gaji, KWSP, CCRIS/CTOS yang memaparkan CCRIS dan sebagainya).

**Dikemaskini : 01 Oktober 2017**